

KERASULAN : DIPANGGIL , DIPILIH , DIUTUS

SEPTEMBER 2014 : DIUTUS UNTUK MENGASIHI

Fokus:

Sama seperti Yesus yang datang untuk berkongsi cinta kasih Bapa-Nya, seorang murid juga diutus untuk membawa cinta kasih Tuhan kepada semua orang.

Lagu Pembukaan

Doa Pembukaan:

Menjemput seorang ahli KED mengucapkan doa Pembukaan.

KEHIDUPAN KITA :

Ketika Tuhan menciptakan kita, Dia menciptakan kita dengan kasih-Nya . Dia juga telah memberi kita kebebasan untuk memilih. Ketika kita dipilih, Dipanggil dan diutus oleh-Nya, cara kita untuk berkongsi pesan cinta kasih-Nya dengan orang lain adalah dengan meniru Dia dalam cintakasih -Nya.

Fr. Damien, seorang Imam dari Belgium, telah dihantar ke Honolulu, Hawaii. Pada tahun 1864 beliau ditahbiskan. Dalam tempoh Sembilan tahun beliau bekerja dalam misi-misi di pulau besar, di Hawaii. Pada tahun 1873, secara sukarela beliau pergi ketanah jajahan pesakit kusta di Molokai. Damien menjaga pesakit kusta disemua peringkat umur, tetapi amat mengambil berat terhadap kanak-kanak yang ditinggalkan di tanah jajahan. Beliau di beritakan menjadi tempang pada tahun 1885 dan terus membina hospital, klinik, dan gereja-gereja, dan enam ratus keranda. Beliau meninggal dunia pada 15 April, di Molokai. Pada 21 Februari, tahun 2009, Vatikan mengumumkan bahawa Bapa Damien dikanonisasikan. Upacara ini diadakan di Roma pada 11 Oktober 2009.

Refleksi :

Dengan tindakannya, Sto. Damien dari Molokai meniru tindakan kasih Kristus. Kita juga telah " diutus " kedalam ... keluarga kita , tempat kerja, sekolah, paroki, dan di Negara kita. Bagaimana kita boleh meniru Yesus dan membuat perbezaan?

Mendengar Firman Tuhan

Lukas 10: 25 -37

Kemudian seorang guru Taurat datang untuk memerangkap Yesus. Dia bertanya, "Guru, apakah yang harus saya lakukan supaya mendapat hidup sejati dan kekal?" Yesus menjawab, "Apakah yang tertulis di dalam Alkitab? Bagaimana tafsiranmu?" Orang itu menjawab, "Kasihilah Tuhan Allah mu dengan sepenuh hatimu, dengan segenap jiwamu, dengan segala kekuatanmu, dan dengan seluruh akalmu; dan Kasihilah sesama manusia seperti kamu mengasihi dirimu sendiri." Yesus berkata kepadanya, "Jawabanmu itu benar. Berbuatlah demikian, dan kamu akan mendapat hidup sejati dan kekal." Tetapi guru Taurat itu hendak membela diri, lalu bertanya, "Siapakah sesama saya?" Yesus menjawab, "Seorang lelaki turun dari Yerusalem dan pergi ke Yerikho. Di tengah perjalanan, dia diserang penyamun. Mereka merompak dan memukul dia setengah mati, lalu meninggalkannya di tepi jalan. Kebetulan pada masa itu seorang imam lalu di situ. Apabila dia melihat orang itu, dia menyeberang jalan dan meneruskan perjalanan. Demikian juga seorang Lewi lalu di situ. Dia mendekati orang itu untuk melihatnya, lalu menyeberang jalan dan meneruskan perjalanan. Tetapi seorang Samaria yang sedang lalu di situ, tiba di tempat orang itu terbaring. Ketika dia melihat orang itu, hatinya penuh belas kasihan. Maka dia mendekatinya lalu membersihkan luka-lukanya dengan wain dan mengubatnya dengan minyak. Selepas itu dia membalut luka-lukanya dan menaikkan orang itu ke atas haiwan tunggangannya sendiri. Dia membawa orang itu kerumah tumpangan dan merawat dia di situ. Keesokan harinya orang Samaria itu memberikan dua keeping wang perak kepada tuan rumah tumpangan itu dan berkata kepadanya, "Rawatlah dia, dan sekiranya wang ini tidak cukup, saya akan membayarnya apabila saya kembali kesini." Lalu Yesus mengakhiri ceritanya dengan bertanya, "Menurut pendapatmu, di antara ketiga-tiga orang itu, siapakah yang menjadi sesama orang yang di rompak itu?" Guru Taurat itu menjawab, "Orang yang menunjukkan belas kasihan kepadanya." Yesus berkata pula, "Pergilah dan berbuatlah demikian!"

Renungan :

- Pilih perkataan atau frasa pendek daripada teks. Ucapkan dengan kuat dengan sikap berdoa tiga kali dan berhenti di antaranya.
- Ambil masa dua minit berdiam diri untuk mendengar Perkataan yang telah anda pilih .
- Kongsi Perkataan atau frasa yang telah menyentuh diri anda dan apa yang Tuhan ingin katakan kepada anda.

HIDUP Dalam Kasih

Sebagai seorang ahli KED, kita sering diminta untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti di KED atau di paroki. Bagaimana kita sebagai seorang ahli KED , mengambil peranan yang lebih aktif di kehidupan paroki ?

Lagu Penutup :

Doa Penutup:

Menjemput seorang ahli keluarga tuan rumah untuk mengucapkan Doa Penutup.

Hari Minggu Kateketikal

21 September 2014

Padatahun1935 ,Vatikan menerbitkan Penjagaan yang lebih baik dan Promosi Pendidikan Kateketikal, dokumen yang meminta setiap Negara untuk mengakui kepentingan pelayanan dan pengajaran Gereja dan memberi penghormatan kepada orang-orang yang berkhidmat kepada masyarakat Kristian sebagai katekis . Ramai umat Katolik telah menggunakan perkataan " kateksimus ". Akar daripada perkataan , " katekesis , " adalah dari makna perkataan Yunani " yang bererti echo , atau bergema . " Katekesis adalah tindakan membanggakan atau membawa ajaran Gereja kepada dunia. Seorang katekis adalah seorang yang mengajar dalam nama Gereja. Katekesis adalah sebuah pelayan yang berbeza dan istimewa di dalam Gereja. Ibubapa adalah benar-benar katekis utama bagi anak-anak mereka . Mereka menyediakan dan menanam benih pertama dari iman. Pada Hari Minggu Kateketikal, kita bukan sahaja menyerlahkan kerja katekis dalam gereja dan sekolah-sekolah , tetapi kitajuga memuji ibubapa dan penjaga dan menggalakkan mereka untuk mengambil serius peranan mereka dalam membuat isi rumah Katolik mereka sebagai tempat di mana iman disampaikan kepada generasi akan datang. Sesuai bagi kita untuk tidak mengetepikan hari ini demi menyerlahkan pelayanan dan menjemput keseluruhan komuniti gereja untuk berfikir tentang tanggungjawab kita dalam berkongsi iman kita dengan orang lain.